

1. Gambar di bawah berkaitan dengan sejenis organisasi



Apakah tujuan organisasi tersebut?

- A. Membantu golongan kurang berkemampuan
 - B. Menjual barang dan perkhidmatan
 - C. Menjual barang di atas harga kos
 - D. Memaksimumkan keuntungan
2. Pernyataan manakah yang menerangkan ciri koperasi?
- A. Ahli menanggung liabiliti tidak terhad
 - B. Kawalan operasi adalah secara autokratik
 - C. Pulangan syer diberikan dalam bentuk rebat
 - D. Setiap anggota mempunyai hak membuat keputusan
3. Apakah kelebihan perniagaan bentuk pemilikan Klinik Razak dan Rakan-rakan berbanding Klinik Jamaliah?
- A. Liabiliti tidak terhad
 - B. Berkongsi kepakaran
 - C. Perniagaan kekal berterusan
 - D. Bebas menguruskan perniagaan
4. Kriteria manakah yang menentukan saiz perniagaan?
- I. Bilangan pesaing
 - II. Bilangan pekerja
 - III. Jualan tahunan
 - IV. Keuntungan tahunan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

[Lihat halaman sebelah

5. Maklumat berikut berkaitan dengan skala perniagaan

Juriah Entepriase merupakan pengeluar produk berasaskan makanan sejuk beku. Produk keluaran beliau juga mendapat permintaan di sekitar negeri yang berhampiran seperti Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Beliau telah mengambil pekerja seramai 120 orang sahaja dengan jualan tahunan mencecah RM 15 juta setahun

Apakah skala perniagaan Juriah Entepriase?

- A. Zon
- B. Negeri
- C. Tempatan
- D. Kebangsaan

6. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan kerajaan pusat dalam aspek perundangan?

- A. Promosi perniagaan
- B. Perlindungan pengguna
- C. Pembiayaan perniagaan
- D. Latihan dan pembangunan

7. Situasi berikut merujuk tindakan kerajaan untuk mengawal keadaan ekonomi

- Menurunkan kadar cukai
- Menurunkan kadar faedah

Mengapakah kerajaan bertindak sedemikian?

- A. Menangani masalah inflasi
- B. Menangani masalah deflasi
- C. Mengurangkan kuasa beli
- D. Mengurangkan daya saing

[Lihat halaman sebelah

8. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi meningkat ?
- A. Guna tenaga semakin menurun
 - B. Gaji dan upah semakin meningkat
 - C. Peniaga mengurangkan operasi perniagaan
 - D. Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin berkurangan


9. Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Kedai Runcit Teng

Perniagaan Runcit Teng mengalami penurunan sejak pembukaan sebuah pasar raya baharu di kawasan tersebut

Apakah faktor yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan di atas?

- A. Persaingan
 - B. Keuntungan
 - C. Perundangan
 - D. Sumber modal
10. Pernyataan yang manakah yang menunjukkan wujudnya pengangguran kitaran ?
- A. Pekerja menganggur kerana kontrak kerja telah tamat
 - B. Majikan mengecilkan bilangan pekerja akibat kemelesetan ekonomi
 - C. Perubahan dalam industri yang tidak memerlukan kemahiran pekerja
 - D. Majikan mengecilkan bilangan pekerja kerana perubahan teknologi baharu
11. Apakah kelebihan pengambilan sumber manusia dalaman?
- A. Melahirkan idea baharu
 - B. Dapat memotivasikan pekerja
 - C. Mempunyai kemahiran baharu
 - D. Bersemangat dalam menjalankan tugas

12. Rajah berikut berkaitan dengan campuran pemasaran



Apakah X?

- A. Pasaran
- B. Promosi
- C. Perniagaan
- D. Pengeluaran

13. Pernyataan manakah yang menerangkan misi?

- A. Sasaran yang boleh diukur
- B. Penetapan perancangan jangka panjang
- C. Pembentukan maklumat yang lebih khusus
- D. Pernyataan ringkas tujuan dan matlamat perniagaan

14. Maklumat berikut berkaitan dengan objektif Syarikat Pembinaan Maju Teguh

Syarikat Pembinaan Maju Teguh menyediakan carta gantt untuk setiap projek pembinaan rumah bagi memastikan projek tersebut dapat disiapkan berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan

Apakah ciri objektif tersebut ?

- A. Jangka masa
- B. Boleh dicapai
- C. Boleh diukur
- D. Spesifik

[Lihat halaman sebelah

15. Pernyataan manakah yang benar tentang kepentingan visi perniagaan?

- A. Menentukan hala tuju perniagaan
- B. Mengenalpasti tujuan penubuhan perniagaan
- C. Membantu perniagaan membuat perancangan
- D. mengagihkan sumber organisasi dengan cekap

16. Perniagaan Wawa menjual minyak wangi jenama Harum pada harga RM180 seunit.

Kos tetap	RM 300 000.
Kos berubah seunit	RM 60

Berapakah Titik Pulang Modal bagi pengeluaran minyak wangi Harum?

- A. 1 250 unit
- B. 2 150 unit
- C. 2 500 unit
- D. 3 420 unit

17. Antara yang berikut, yang manakah merupakan aspek penting dalam carta organisasi?

- A. Prosedur operasi
- B. Pembahagian kerja
- C. Perhubungan industri
- D. Perancangan kewangan

18. Antara yang berikut, pernyataan manakah yang benar tentang e-banking

- I. Menyampaikan maklumat produk kepada pelanggan dengan cepat
- II. Membolehkan perniagaan membuat bayaran bil dengan cepat
- III. Melibatkan urusan dalam talian dengan pihak bank
- IV. Membantu memasarkan produk dalam talian

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

[Lihat halaman sebelah

19. Bagaimanakah teknologi maklumat dapat membantu bahagian fungsian pengeluaran?

- A. Membuat pesanan belian dengan lebih cepat
- B. Merancang aktiviti pembangunan produk baharu
- C. Melicinkan aktiviti perekodan data kewangan perniagaan
- D. Menghasilkan produk mengikut standard yang ditetapkan

20. Encik Kassim seorang petani menjual hasil tani beliau kepada Pemborong Chua . Beliau menerima bayaran dalam bentuk cek

Encik Kassim terlibat dalam interaksi dengan...

- A. Bank
- B. Pembekal
- C. Pelanggan
- D. Agensi kerajaan

21. Pernyataan manakah yang menerangkan maksud pengurusan sumber manusia?

- A. Usaha untuk membina imej baik organisasi
- B. Usaha untuk membangun tenaga kerja dalam organisasi
- C. Usaha untuk mengurangkan risiko kerugian akibat kemerosotan perniagaan
- D. Usaha untuk meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran dalam organisasi

22. Apakah aspek yang dipertimbangkan apabila menempatkan seseorang pekerja?

- I. Jantina
- II. Kebolehan
- III. Kemahiran
- IV. Kecergasan fizikal

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

[Lihat halaman sebelah

23. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kemahiran keboleherjaan yang akan membantu pekerja melaksanakan kerja dengan cekap dan sistematik?

- I. Berpengalaman
- II. Kelayakan yang bersesuaian
- III. Perancangan dan pengurusan diri
- IV. Jumlah gaji dan elaun yang pernah diperolehi

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

24. Apakah tujuan usahawan mendaftarkan harta intelek?

- A. Menjimatkan kos penyelenggaraan harta intelek
- B. Mencapai keuntungan dalam jangka masa yang pendek
- C. Memastikan sumber fizikal dalam keadaan selamat untuk digunakan
- D. Mengelakkan syarikat daripada ancaman cetak rompak dan peniruan

25. Antara yang berikut, manakah prosedur mengurus sumber fizikal

- I. Mendaftar paten
- II. Pengurusan hak cipta terpelihara
- III. Perlindungan insurans dan keselamatan
- IV. Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

26. Syarikat Penerbitan Bakawali memohon hak cipta terpelihara bagi beberapa karya yang diterbitkan.

Apakah tujuan syarikat tersebut berbuat demikian?

- A. Mendapatkan kebenaran untuk mencetak karya syarikat
- B. Mendapat kelulusan untuk menjual pada harga diskaun
- C. Mendapatkan hak perundangan ke atas ciptaan mereka
- D. Mendapat kebenaran memasarkan karya syarikat ke luar negara

27. Gambar menunjukkan logo sebuah agensi kerajaan



Manakah yang benar mengenai agensi tersebut?

- A. Memberi jaminan kredit
- B. Menyediakan kemudahan ruang niaga
- C. Menawarkan modal tambahan kepada usahawan
- D. Menawarkan geran insentif dalam bidang sains dan teknologi

28. Antara yang berikut, manakah kekurangan mendapatkan sumber pembiayaan daripada agensi kerajaan?

- I. Persaingan yang sengit
- II. Jumlah pinjaman yang terhad
- III. Memerlukan cagaran dalam bentuk harta
- IV. Sukar menambah modal dalam masa yang singkat

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

[Lihat halaman sebelah

29. Gambar berikut menunjukkan logo bank



Apakah dokumen yang diperlukan semasa membuat permohonan pembiayaan daripada agensi berkenaan?

- I. Salinan bil utiti
- II. Lesen perniagaan
- III. Salinan Kad Pengenalan
- IV. Salinan lesen pihak berkuasa tempatan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

30. Pernyataan manakah merujuk kepada definisi penyata kewangan?

- A. Laporan yang menunjukkan kedudukan kewangan sesebuah perniagaan
- B. Jumlah tunai atau simpanan yang dimiliki oleh sesebuah perniagaan
- C. Penyata yang menunjukkan punca perolehan dan penggunaan tunai
- D. Untung yang diperoleh selepas mengambil kira belanja dan hasil

[Lihat halaman sebelah

31. Pihak berkepentingan manakah yang memerlukan penyata kewangan bagi mengenalpasti kemampuan perniagaan membayar hutang dan kredit?

- A. Pemilik
- B. Pelabur
- C. Pihak pengurusan
- D. Institusi kewangan

32. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Nisha pada 30 Jun 2021

	RM
Modal	40 000
Aset semasa	12 330
Liabiliti Semasa	8 230

Berapakah nisbah semasa bagi Perniagaan Nisha?

- A. 0.7 : 1
- B. 1.5 : 1
- C. 3.2 : 1
- D. 4.9 : 1

33. Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan

	RM
Untung Kasar	40 000
Untung bersih	25 000
Modal Awal	80 000
Modal Akhir	85 000

Berapakah peratus pulangan atas modal bagi perniagaan tersebut?

- A. 50%
- B. 47.06%
- C. 31.25%
- D. 29.41%

[Lihat halaman sebelah

34. Antara yang berikut, situasi manakah menunjukkan ciri-ciri usahawan yang pandai mengambil peluang perniagaan?
- A. Encik Tan menambahkan stok pakaian di kedainya
 - B. Encik Aiman mencipta penyedut habuk tanpa wayar
 - C. Puan Mala melantik dua orang pengurus pemasaran di syarikatnya
 - D. Puan Asiah membuka pusat asuhan kanak-kanak di kawasan perumahan baharu.
35. Antara yang berikut, yang manakah sumbangan usahawan kepada masyarakat?
- I. Mewujudkan sikap berdikari
 - II. Mewujudkan kerjasama serantau
 - III. Menyediakan peluang pekerjaan
 - IV. Mempelbagaikan produk perkhidmatan
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
36. Antara yang berikut, manakah merupakan akta penubuhan perniagaan?
- A. Akta Kontrak 1950
 - B. Akta Sewa Beli 1967
 - C. Akta Perihal Dagangan 1972
 - D. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012

37. Gambar berikut berkaitan dengan sejenis dokumen perniagaan

SALINAN	PEMBEKAL ALATAN PEJABAT REMY NO. 34, WISMA BALAKONG 43300 SELANGOR	INV. 1010	
INVOIS			
Kepada : MEGAH TRADING NO. 12, JALAN BALAKONG 43300 SELANGOR		Tarikh : 10 Julai 2018	
KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLA (RM)
2	Mesin Pencetak	500.00	1 000.00
3	Mesin Lamine	200.00	600.00
			1 600.00
Tolak : Diskaun Niaga 10%			160.00
JUMLAH			1 440.00
Ringgit Malaysia : Satu Ribu Empat Ratus Empat Puluh Sahaja			
			MEGAHAN Pengurus

Apakah maklumat yang boleh diperolehi daripada dokumen tersebut?

- I. Menunjukkan jualan secara kredit
- II. Menunjukkan rekod transaksi bank
- III. Mengandungi maklumat ambilan oleh pemilik
- IV. Mengandungi catatan aktiviti jualan yang dilakukan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

38. Pernyataan manakah yang merujuk kepada definisi pemasaran?

- A. Gambaran ringkas yang spesifik berkenaan keseluruhan perniagaan
- B. Maklumat mengenai tenaga kerja dan kos perbelanjaan pentadbiran
- C. Aktiviti perniagaan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan
- D. Gambaran umum berkaitan tujuan rancangan perniagaan

[Lihat halaman sebelah

39. Apakah yang dimaksudkan dengan rancangan perniagaan?
- A. Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan secara terperinci
 - B. Dokumen bertulis yang menerangkan tentang jenis perniagaan yang dijalankan
 - C. Dokumen bertulis yang menerangkan maklumat perniagaan yang akan dijalankan
 - D. Dokumen bertulis yang menerangkan latar belakang perniagaan secara menyeluruh
40. Antara berikut yang manakah kepentingan rancangan perniagaan?
- A. Menganggarkan keperluan sumber perniagaan
 - B. Meyakinkan pelanggan untuk membuat pelaburan
 - C. Menunjukkan keuntungan perniagaan yang diperoleh
 - D. Memastikan risiko kerugian perniagaan tidak akan berlaku

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT